

## MB nafi keluar arahan larang pegawai kerajaan negeri hadir pelancaran MRT

FOTO: ASRIL ASWANDI



Mohamed Azmin (dua kanan), merasmikan acara simbolik dewan Seri Cempaka. Turut serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang, Mohd Sayuthi Bakar (dua kiri).

KAJANG - Kerajaan negeri nafi mengeluarkan arahan kepada pegawainya supaya tidak menghadiri majlis perasmian Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang, kelmarin.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, mereka mendapat maklumat bahawa terdapat cubaan untuk menjadikan majlis tersebut sebagai program Umno.

"Tak benar, itu program kerajaan. Cuma maklumat yang kita dapat mereka cuba 'rampas' program MRT untuk dijadikan program Umno.

"Kita tidak benarkan projek-projek dan program-program kerajaan bertukar menjadi program parti," katanya selepas menghadiri Majlis Perasmian Dewan Seri Cempaka dan Rumah Terbuka Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), semalam.

Semalam SinarHarian menyiarkan kenyataan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar mendakwa beliau dimaklumkan kerajaan negeri memberikan arahan kepada pegawainya supaya tidak menghadiri majlis perasmian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, kelmarin.